

# LAWATAN RASMI PENERUSI JEMAAH TERTINGGI BAKAT UDARA KE ATU IPOH

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3135-lawatan-rasmi-pengerusi-jemaah-tertinggi-bakat-udara-ke-atu-ipoh](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3135-lawatan-rasmi-pengerusi-jemaah-tertinggi-bakat-udara-ke-atu-ipoh)

IPOH, 3 Mac 18 – Pengerusi Jemaah Tertinggi Bakat Udara, YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Hj Tengku Muhaini bte Sultan Hj Ahmad Shah dengan rombongannya telah mengadakan lawatan rasmi ke Akademi Tentera Udara Ipoh (ATU). Kehadiran Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara telah disambut oleh Pengerusi BAKAT ATU, YBhg Puan Siti Hajar binti Mohammad.



Dalam rangka lawatan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, satu sesi dialog bersama ahli BAKAT ATU Ipoh telah diadakan dimana banyak perkara yang diusulkan dan dibincang bagi mendapat kata sepakat dalam penambahbaikan prestasi BAKAT di ATU Ipoh dan sekaligus BAKAT Udara secara keseluruhannya. Program rasmi tersebut telah diisi dengan pelbagai aktiviti lain antaranya pemeriksaan buku laporan AJK, pameran kraftangan dan sesi bergambar bersama semua ahli BAKAT ATU Ipoh.



Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara juga telah menyampaikan sumbangan kepada pesakit kronik dari kalangan keluarga kakitangan ATU Ipoh dan juga sumbangan ikhlas berupa sebuah peti ais untuk digunakan di Rumah BAKAT ATU. Bagi menghargai kehadiran rombongan lawatan rasmi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, Pengerusi BAKAT ATU telah berbesar hati menyampaikan cenderahati sebagai tanda kenang-kenangan.

